



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

28 Mei 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 28 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi sebanyak sepuluh (10) kes yang dimasukkan ke wad isolasi di tujuh (7) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan. Kesemua kes tersebut telah disahkan negatif. Sehingga kini sebanyak 296 kes telah dimasukkan ke wad isolasi untuk penyiasatan dimana 294 disahkan negatif dan dua (2) disahkan positif. Dua (2) kes yang positif adalah seperti yang dilaporkan pada pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu.

Pada masa ini, seramai 7 orang sedang diletakkan di bawah “home quarantine”. Dua (2) daripadanya ialah kontak kepada kes yang disahkan di Taiwan pada 24 Mei 2009. Mereka sedang dikuarantin sehingga 31 Mei 2009 dan pada masa ini dalam keadaan sihat. Lima (5) individu lagi yang dikuarantin pula ialah kontak kepada kes di Singapura pada 26 Mei 2009. Mereka juga dalam keadaan sihat dan sedang dikuarantin sehingga 31 Mei 2009.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan, sehingga 28 Mei 2009, jam 8.00 pagi, tiga (3) negara lagi melaporkan kejadian influenza A(H1N1) dalam tempoh 24 jam yang lalu iaitu Bahrain (1 kes), Romania (1 kes) dan Singapura (1 kes), menjadikan sebanyak 50 buah negara terlibat sehingga kini. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 1,237 kes baru dilaporkan di seluruh dunia menjadikan jumlah keseluruhan kes influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal sehingga kini ialah sebanyak 14,671 kes. Selain daripada tiga (3) negara baru yang melaporkan kes influenza A(H1N1), peningkatan tersebut berlaku di 20 negara iaitu Australia (17), Belgium (1), Chile (4), China (8) (Mainland 1; Hong Kong 2; Taiwan 5), Ecuador (4), El Salvador (5), Perancis (1), German (1), Greece (2), Guatemala (1), Ireland (1), Israel (3), Itali (2), Jepun (10), Filipina (4), Poland (1), Sepanyol (4), Switzerland (1), United Kingdom (1) dan Amerika Syarikat (1,163). Tiada kematian baru dilaporkan menjadikan jumlah kematian keseluruhan masih kekal 96.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 28 Mei 2009, jam 8.00 pagi, seramai 9,967 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 6,052 (60.7%) orang disaring di pintu masuk udara, 481 (4.8%) di pintu masuk laut dan 3,434 (34.5%) di pintu masuk darat. Tiga (3) kes yang dikesan di pintu masuk udara telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 28 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 221,695 orang di mana 176,116 (79.4%) disaring di pintu masuk udara, 12,854 (5.8%) di pintu masuk laut dan 32,725 (14.8%) di pintu masuk darat. Daripada jumlah tersebut, 55 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Dua (2) kes yang dilaporkan di Malaysia pada 15 dan 16 Mei 2009 adalah kes import daripada Amerika Syarikat dan tiada penularan tempatan (local transmission) influenza A(H1N1) di Malaysia. Saya ingin memaklumkan bahawa negara Malaysia adalah bebas daripada penularan influenza A(H1N1) dan oleh itu, pelawat-pelawat luar negara dan juga penduduk Malaysia tidak perlu bimbang kerana negara ini selamat daripada jangkitan influenza A(H1N1). Pada masa yang sama, saya ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 28 Mei 2009